

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

HSR mampu jadi pemangkin pertumbuhan ekonomi

HSR mampu jadi pemangkin pertumbuhan ekonomi

SHAH ALAM - Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) wajar dihidupkan kembali oleh Kerajaan Perpaduan setelah menerima pertimbangan Singapura baru-baru ini.

Pakar ekonomi, Profesor Datuk Dr Shazali Abu Mansor berkata, ini kerana ia boleh menjadi pemangkin dalam mengembalikan sektor pelancongan, pelaburan dan hubungan diplomatik dengan negara jiran.

"Ekonomi negara kita sudah berubah. Kalau dahulu mungkin wajar untuk membataikannya disebabkan faktor tekanan politik dan ekonomi.

"Namun di zaman serba digital ini, saya rasa ada keperluan untuk menghidupkan kembali HSR supaya ada peningkatan dalam perhubungan antara satu negara ke negara yang lain.

"Saya juga berpandangan HSR memberi banyak limpahan manfaat ekonomi dari segi peluang pelancongan, hab pengangkutan dan menarik minat pelabur-pelabur di Singapura untuk lebih cenderung melabur di Malaysia," katanya kepada *Sinar Premium*.

Tambahnya, ini merupakan peluang keemasan buat Malaysia untuk setanding dengan negara-negara membangun yang lain supaya tidak ketinggalan jauh dalam membina *high speed rail* bertaraf antarabangsa.

"Kita dikira agak ketinggalan sekiranya tidak membuat projek HSR walaupun ada peluang yang disajikan. HSR sudah ada di negara-negara jiran yang lain seperti



SHAZALI

Indonesia dan bakal dilaksanakan di Vietnam dan Kemboja.

"Dalam keadaan sekarang, saya rasa HSR wajar dihidupkan kembali kerana ia dapat membantu memulihkan sektor pelancongan yang mana kita sudah ketinggalan dua ke tiga tahun akibat Covid-19," jelasnya.

Shazali yang juga Timbalan Naib Canselor University College I-CATS Kuching berpandangan, negara perlu mengambil peluang ini untuk berkongsi dan menguatkan lagi sumber yang ada bersama Singapura di samping menarik pelabur untuk mengembangkan ekonomi di selatan tanah air.

"Kita harus akui Singapura mempunyai

banyak kelebihan dalam kepakaran dan sistem kewangan yang kukuh biarpun Malaysia mempunyai sumber yang cukup.

"Pembatalan projek HSR sedikit sebanyak memberi tempas kepada ekonomi Johor biarpun ia tidak begitu terjejas kerana negeri tersebut mempunyai kekuatan ekonomi tersendiri. Dengan mengembalikan HSR, ia semestinya dapat merangsang ekonomi di sana," ujarnya.

Jelasnya, peluang merealisasikan projek HSR kelihatan cerah selepas Malaysia berada dalam Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya rasa di bawah pimpinan Anwar, kita dapat melihat banyak reaksi positif dalam ekonomi negara. Mungkin sekarang ini tiada lagi orang tengah yang mengambil kesempatan mengaut untung melalui sesuatu projek," katanya.